

Bagaimana jika waris adalah kanak-kanak?

Apabila kami mengagihkan wang CPF, wang daripada harta pusaka atau daripada pampasan bagi kemalangan kenderaan, kadang kala orang yang kami perlu membayar merupakan seorang kanak-kanak.

Kami akan memegang wang ini sebagai amanah bagi kanak-kanak tersebut sehingga kanak-kanak itu layak untuk menerima wang mengikut umur yang disenaraikan di bawah.

Jenis wang	Umur
Wang CPF yang telah dinamakan	18
Wang CPF yang tidak dinamakan	21
Wang harta pusaka	21
Wang daripada pampasan kemalangan kenderaan	21
Pampasan bagi kecederaan di tempat kerja (diri sendiri)	18
Sagu hati kematian daripada pemerintah	18

Apa akan anda lakukan dengan wang yang dipegang sebagai amanah?

Kami akan melaburkan wang yang dipegang sebagai amanah di dalam instrumen kewangan yang selamat seperti deposit tetap dan bon. Kami akan membayar wang ini, bersama faedah yang diperolehi (ditolak yuran kami), kepada kanak-kanak tersebut apabila mereka mencapai umur dewasa (sama ada 18 atau 21).

Ibu bapa atau penjaga yang sah boleh melihat penyata akaun kanak-kanak tersebut di dalam talian di laman web kami:
<http://www.mlaw.gov.sg/pto>



Apakah yuran yang anda kenakan bagi melaburkan wang yang dipegang sebagai amanah?

Yuran yang kami kenakan ke atas jumlah faedah yang diperolehi daripada melaburkan wang yang dipegang sebagai amanah adalah seperti berikut.

Jumlah Faedah yang Diperolehi	Yuran
Bagi \$1,000 pertama	5.50%
Bagi \$1,000 seterusnya	4.50%
Bagi \$1,000 seterusnya	3.50%
Bagi jumlah melebihi \$3,000	2.25%

Yuran ini adalah termasuk GST dan tidak boleh dikecualikan.

Bolehkah anda melepaskan wang yang dipegang sebagai amanah kerana saya kini merupakan ibu/bapa atau penjaga tunggal kanak-kanak tersebut dan mengalami masalah kewangan untuk menyara kanak-kanak ini?

Di bawah seksyen 68 dan 70 Piagam Wanita, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga kanak-kanak untuk menyara atau menyumbang kepada penyaraan mereka jika mereka tidak berupaya menjaga diri mereka sendiri.

Jika anda adalah ibu/bapa atau penjaga yang sah kepada seorang kanak-kanak dan anda mengalami masalah kewangan untuk menyara kanak-kanak tersebut, anda boleh memohon kepada kami untuk mendapatkan elauan penyaraan daripada wang kanak-kanak itu yang kami pegang.

Dalam memutuskan jumlah elauan penyaraan, kami akan mempertimbangkan yang berikut.

1. Pendapatan, harta tanah dan sumber kewangan lain anda.
2. Keperluan dan tanggungjawab kewangan anda.
3. Keperluan kewangan dan umur kanak-kanak tersebut.
4. Cara bagaimana kanak-kanak tersebut sedang atau diharapkan untuk dididik atau dilatih.

Menguruskan wang yang dipegang sebagai amanah untuk seorang kanak-kanak

(Lembaran Maklumat 3)
25 Jul 2017



Bagaimana cara untuk saya memohon elaun penyaraan kanak-kanak?

Anda perlu membuat permohonan di dalam talian bagi elaun penyaraan di www.mlaw.gov.sg/pto.

Anda juga perlu bersedia dengan SingPass anda untuk mengakses borang permohonan dalam talian kami. Anda boleh memohon SingPass di <https://www.singpass.gov.sg> jika anda belum mempunyainya. Jika anda tidak layak untuk SingPass, anda boleh memohon ID log masuk dan kata laluan melalui laman web kami di <http://www.mlaw.gov.sg/pto>.

Dokumen apakah yang perlu saya hantarkan kepada anda?

Anda perlu menyediakan bukti bahawa anda tidak mampu untuk menyara kanak-kanak tersebut (contohnya, slip gaji bulanan anda) dan dokumen berkaitan keperluan kewangan kanak-kanak itu.

Untuk kami membuat pembayaran, anda juga perlu memberikan kami bukti akaun simpanan bersama yang dibuka bersama kanak-kanak itu. Kami boleh menerima salinan penyata bank dengan nombor akaun bank bersama yang tertera nama-nama pemegang akaun.

Bagaimakah elaun penyaraan ini akan dibayar?

Elaun penyaraan akan dikreditkan ke dalam **akaun simpanan bersama**, yang dipegang oleh ibu bapa atau penjaga yang sah bersama kanak-kanak itu, melalui GIRO setiap tiga bulan pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober.



Bolehkah saya mendapat pembayaran balik perbelanjaan tambahan yang lebih daripada elaun penyaraan?

Kami boleh membayar balik kepada anda, daripada wang kanak-kanak itu, untuk perbelanjaan pendidikan dan kebajikan kanak-kanak itu, jika ini tidak dibiayai oleh elaun penyaraan. Kami mempertimbangkan setiap permintaan berdasarkan kes demi kes.

Apa perlu saya lakukan untuk mendapat pembayaran balik bagi perbelanjaan tambahan?

Anda perlu menghantarkan dokumen kepada pegawai kes anda untuk menunjukkan bukti pembayaran.

Dokumen bukti pembayaran yang biasa adalah:

1. surat penerimaan daripada sekolah kanak-kanak tersebut yang menunjukkan jumlah yuran sekolah; dan
2. resit yang menunjukkan bukti pembayaran kepada sekolah.

Bagaimana jika saya tidak mampu untuk membayar perbelanjaan tambahan?

Jika kami bersetuju untuk membayar perbelanjaan tersebut daripada wang anak itu, kami akan membuat pembayaran terus ke sekolah.

Telefon:

Tel: 1800-2255-529
Faks: (65) 6224-2858

Alamat:

The URA Centre (East Wing)
45 Maxwell Road #07-11
Singapura 069118

Waktu Operasi E-helper:

Isnin - Jumaat: 8.30pg - 5.00ptg

Pertanyaan Dalam Talian:

Contact us @ OneMinLaw

Laman Web:

www.mlaw.gov.sg/pto